



KEPADA SEMUA MAJIKAN BERDAFTAR,

PELANJUTAN TARIKH AKHIR PEMBAYARAN CARUMAN BULANAN DARIPADA HARI KE LIMA BELAS KEPADA HARI TERAKHIR BULAN YANG BERKENAAN DENGANNYA CARUMAN ITU KENA DIBAYAR DAN PENGECUALIAN FAEDAH CARUMAN LEWAT BAYAR

YB Menteri Sumber Manusia telah bersetuju dan meluluskan cadangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk melanjutkan tarikh akhir pembayaran caruman bulanan daripada 15 haribulan kepada hari terakhir bulan yang berkenaan dengannya caruman itu kena dibayar dan pengecualian Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) selama tempoh enam (6) bulan bermula dari caruman bulan April 2020 hingga September 2020. Pelaksanaan ini melibatkan caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang telah diwartakan melalui Warta Kerajaan P.U. (A) 114. dan P.U. (A) 115. bertarikh 6hb April 2020.

Pelanjutan tarikh akhir pembayaran caruman ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh majikan akibat penularan wabak Covid-19.

Susulan itu, bulan carum dan tarikh akhir pembayaran caruman yang terlibat adalah sebagaimana berikut:-

- | | |
|----------------------------|--|
| i) Caruman April 2020 | - Tarikh akhir pembayaran pada 31 Mei 2020 |
| ii) Caruman Mei 2020 | - Tarikh akhir pembayaran pada 30 Jun 2020 |
| iii) Caruman Jun 2020 | - Tarikh akhir pembayaran pada 31 Julai 2020 |
| iv) Caruman Julai 2020 | - Tarikh akhir pembayaran pada 31 Ogos 2020 |
| v) Caruman Ogos 2020 | - Tarikh akhir pembayaran pada 30 September 2020 |
| vi) Caruman September 2020 | - Tarikh akhir pembayaran pada 31 Oktober 2020 |

Pembayaran caruman bagi tempoh dan tarikh yang dinyatakan akan dikecualikan daripada Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB).

Sebarang pertanyaan boleh diemelkan ke perkeso@perkeso.gov.my atau disalurkan melalui [facebook.com/perkeso.official](https://www.facebook.com/perkeso.official)

Sekian, terima kasih.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
07 April 2020**